

28-10-2001

PERINGATAN DARIPADA
JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA

**MEMOHON PERUNTUKAN ELAUN TETAP
GURUTADIKA ISLAM JOHOR (TAJ)
KERAJAAN NEGERI JOHOR**

Jawatankuasa Hal Ehwal Agama setelah menimbangkan Kertas J/HEA: 40/B/2001 pada 31.10.2001 mengesyorkan Kerajaan hendaklah **BERSETUJU** meluluskan bayaran Elaun Tetap Bersih Guru Tadika Islam Johor (TAJ) sebanyak RM300.00 sebulan dan caruman KWSP majikan mengikut kadar yang telah ditentukan sebagaimana dalam kertas kerja.

2. Jawatankuasa juga mengesyorkan **BERSETUJU** supaya Elaun Tetap Guru Tadika Islam Johor dibayar melalui Peruntukan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor di bawah Kepala B.22 - (Kod 10000 - Emolumen).
3. Jawatankuasa seterusnya mengesyorkan **BERSETUJU** melantik guru-guru Tadika Islam Johor secara kontrak bagi tempoh dua (2) tahun dan boleh disambung semula mengikut keperluan.
4. Jawatankuasa selanjutnya mengesyorkan **BERSETUJU** meluluskan peruntukan sebanyak RM806,400.00 bagi bayaran emolumen guru Tadika Islam Johor untuk kos pengoperasian Tahun 2002 sebagaimana dalam kertas kerja.
5. Jawatankuasa juga seterusnya mengesyorkan **BERSETUJU** menetapkan kadar bayaran yuran Tadika Islam Johor sebanyak RM20.00 sebulan kepada setiap murid bagi menampung bayaran sebahagian gaji guru dan urusan pentadbiran.
6. Jawatankuasa juga selanjutnya mengesyorkan **BERSETUJU** menambahkan bilangan kelas Tadika Islam Johor dari tahun ke tahun termasuk peruntukan yang terlibat mengikut keperluan.
7. Jawatankuasa juga mengesyorkan **BERSETUJU** supaya tindakan diambil bagi menyediakan kertas kerja untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi menambahkan sumber kewangan Tadika Islam Johor (TAJ).

PPAJ. 2/1/72

8. Jawatankuasa juga seterusnya mengesyorkan **BERSETUJU** supaya publisiti yang lebih menyeluruh dan berkesan seperti radio, surat khabar, kain rentang dan sebagainya hendaklah dibuat bagi menarik perhatian penduduk untuk mendaftarkan anak-anak mereka di Tadika ini.

9. Jawatankuasa juga selanjutnya mengesyorkan **BERSETUJU** pelancaran Tadika tersebut hendaklah dibuat secara besar-besaran bagi menyedarkan orang ramai dan menarik minat mereka terhadap Tadika ini.

10. Majlis adalah diminta menimbangkan perkara yang tersebut di atas.

*HMHH/ka/kh.
1.11.2001.*

**MEMOHON PERUNTUKAN ELAUN TETAP
GURU TADIKA ISLAM JOHOR (TAJ)
KERAJAAN NEGERI JOHOR**

1. TUJUAN

Kertas ini dikemukakan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Hal Ehwal Agama seterusnya kerajaan satu peruntukan bagi membiayai Elaun Tetap Guru Tadika Islam Johor (TAJ).

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memupuk semangat cinta dan sayangkan Agama, bangsa dan negara.
- 2.2 Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.
- 2.3 Menanamkan kemahiran asas pada tulisan jawi dan pembacaan Al-Quran dan dapat mengenal huruf-huruf hijaiyah dengan baik.
- 2.4 Membentuk konsep diri yang positif serta memupuk semangat bergaul di samping hormat menghormati dan menghargaai hak dan kebolehan orang lain.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Selaras dengan keputusan mesyuarat kerajaan, dalam Tahun 2000, yang telah bersetuju menubuhkan Tadika Agama Johor (TAJ) maka pada awal Tahun 2001, Jabatan Agama telah merancang untuk mewujudkan 200 kelas Tadika Agama Johor (TAJ) di seluruh Negeri Johor. Walau bagaimanapun kerajaan telah memutuskan tidak meluluskan peruntukan bayaran elaun guru-guru TAJ dan elaun serta kos pentadbiran ditampung melalui yuran sekolah.

3.2 Sehingga kini Tadika Agama Johor (TAJ) masih kurang mendapat sambutan. Ini kerana TAJ masih lagi di peringkat awal penubuhan dan maklumat mengenai perkara ini belum tersebar luas. Kekurangan sambutan ini dapat dibuktikan bila mana hanya 56 buah kelas sahaja yang dapat dibuka walaupun Bahagian Pendidikan telah merancang untuk membuka sebanyak 200 kelas. Kedudukan taburan kelas adalah seperti berikut :-

Bil.	Daerah	Sekolah	Murid	Guru	Pembantu	Kelas
1.	Johor Bahru	8	162	9	1	9
2	Muar	10	293	12	-	12
3	Batu Pahat	10	236	10	-	10
4	Segamat	4	119	5	-	5
5	Kluang	4	59	4	-	4
6	Kota Tinggi	4	101	4	-	4
7	Pontian	10	192	10	-	10
8	Mersing	2	49	2	1	2
JUMLAH		52	1,211	56	2	56

3.3 Akibat dari elauan guru yang rendah berbanding dengan Guru Tadika Perpaduan dan Guru KAFA, maka kesukaran untuk mendapatkan tenaga guru berlaku di setengah-setengah sekolah, malah ada di antara yang berhenti dari perkhidmatan mereka.

- 3.4 Yuran yang dikenakan antara satu sekolah dengan sekolah yang lain juga tidak seragam. Ini menyebabkan elauan yang diterima oleh guru-guru Tadika Agama Johor (TAJ) juga berbeza-beza bergantung kepada jumlah pungutan yuran. Misalnya terdapat sekolah di bandar Johor Bahru, yang mengenakan yuran bulanan sebanyak RM 50.00, manakala di lain daerah ada yang RM 30.00 dan yang paling rendah ialah sebanyak RM 20.00.
- 3.5 Di setengah-setengah kawasan, TAJ tidak mendapat sambutan kerana terdapat Tadika Kemas / Perpaduan yang telah lama wujud khususnya di kawasan Felda dan perkampungan. Begitu juga bilangan murid antara satu sekolah dengan sekolah yang lain tidak selaras dengan begitu ketara.

4. IMPLIKASI KEWANGAN

- 4.1 Perbelanjaan bagi penubuhan 200 buah kelas TAJ Tahun 2002 adalah seperti berikut :-

Elaun Guru $200 \text{ org} \times \text{RM } 300.00 \times 12 \text{ bulan}$ = RM 720,000.00
 (Tetap)

Caruman KWSP	$200 \text{ org} \times \text{RM } 36.00 \times 12 \text{ bulan}$	= <u>RM 86,400.00</u>
JUMLAH KESELURUHAN		= <u>RM 806,400.00</u>

5. PERMOHONAN

- 5.1 Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan seterusnya kerajaan dengan ini dipohon untuk menimbang perkara berikut :

- 5.1.1 Bersetuju untuk membayar Elaun Tetap Bersih kepada guru TAJ sebanyak RM 300.00 sebulan dan caruman KWSP majikan mengikut kadar yang telah ditentukan.

- 5.1.2 Besetuju supaya Elaun Tetap Guru TAJ dibayar melalui Peruntukan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor di bawah Kepala B. 22 - (Kod 10000 - Emolumen).
- 5.1.3 Bersetuju melantik guru-guru TAJ secara kontrak untuk tempoh 2 tahun dan boleh disambung semula mengikut keperluan.
- 5.1.4 Bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM 806,400.00 bagi bayaran emolumen guru TAJ untuk kos pengoperasian Tahun 2002.
- 5.1.5 Besetuju untuk menetapkan kadar bayaran yuran TAJ sebanyak RM 20.00 sebulan bagi setiap murid untuk menampung bayaran sebahagian gaji guru dan urusan pentadbiran.
- 5.1.6 Bersetuju menambah bilangan kelas TAJ dari tahun ke tahun termasuk peruntukan yang terlibat mengikut keperluan.

6. PENUTUP

- 6.1 Jabatan Agama Johor yakin, dengan adanya bantuan elauan tetap dari kerajaan, maka Tadika Agama Johor (TAJ) akan mendapat sambutan yang menggalakkan dari seluruh lapisan masyarakat.
- 6.2 Sehubungan dengan itu, Jabatan Agama Johor memohon Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, seterusnya kerajaan bagi menimbang permohonan ini dan meluluskannya juga.

Jabatan Agama Johor,
(Bahagian Pendidikan),
Kompleks Islam Johor,
Johor Bahru.

Rujukan : PPAJ. 2/1/72

Tarikh : 17 Oktober 2001